

Soonsawad dan beberapa pegawai kanan BSRU.

Mustafa berkata, antara bidang yang telah dikenal pasti untuk berkerjasama dengan BSRU ialah bidang-bidang yang bersesuaian antara kedua-dua universiti, terutama bidang pengurusan.

Katanya, MOU ini akan memberi peluang kepada kedua-dua institusi pengajian tinggi ini untuk menjalankan penyelidikan dan perundingan, program silang budaya, pertukaran pelajar dan tenaga akademik, serta melaksanakan kursus-kursus jangka pendek dan panjang yang boleh dimanfaatkan oleh UUM dan BSRU.

Beliau berkata, pihak UUM percaya dengan kerjasama ini akan bertambah erat hubungan kedua-dua pihak kerana BSRU mampu memberi input yang baik setelah menjadi sebuah universiti yang berusia hampir 150 tahun.

Sementara itu, Prof. Dr. Supol Wuthisen pula berkata, BSRU harus mengambil peluang untuk bekerjasama untuk kebaikan bersama kerana UUM adalah sebuah institusi terkemuka dalam bidang pengurusan.

Di samping itu, beliau juga berkata, UUM mempunyai pelbagai program yang baik dan menarik, serta memiliki tenaga pakar dan rujuk yang ramai membolehkan BSRU menjalankan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Selain itu, katanya keunikan dan kecantikan kampus serta mempunyai prasarana yang baik di samping lokasi UUM di utara Malaysia adalah merupakan faktor pendorong kepada kerjasama ini dijalinan.

"Sebelum ini, kami sudah menghantar seramai 30 pelajar dan staf BSRU yang mengikuti program *Fun Bahasa Malaysia Camp* bulan Ogos lalu anjuran i-COMTOUR, Training & Consultation, Research Innovation and Management Centre (RIMC) yang merupakan program sulung dilaksanakan bersama UUM,

"Hasilnya, kebanyakan mereka melaporkan program ini amat baik sekali dan saya mengharap lebih banyak program lain akan dilaksanakan bersama pada masa akan datang," katanya.

Habis.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my